



Rujukan : ANM.NS.100 – 1/5/3 JLD.2(3)

Tarikh : 7 April 2023

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)  
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 3 TAHUN 2023**

**PENGGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA  
PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN  
CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(28) bertarikh 29 Mac 2023 adalah berkaitan.


2. Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 15 Mac 2023, telah bersetuju **penggunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam (kod vendor EMPLOYEE) iaitu bayaran emolumen melalui Modul *Human Capital Management (HCM)* – Payroll dan bayaran tuntutan perjalanan (TNT) serta tuntutan lain melalui Modul *Account Payable (AP)***. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan penggunaan Tuntutan Perjalanan (TNT) melalui Sistem HRMIS yang menggunakan nombor akaun bank gaji daripada sumber data *Human Capital Management (HCM)*.
3. Keutamaan pembayaran kepada penjawat awam bagi Modul AP adalah menggunakan satu nombor akaun bank sahaja iaitu akaun bank gaji (data akaun bank dari Modul HCM). Sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun bank selain daripada akaun bank gaji, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat pengecualian daripada Pejabat Perakaunan di atas justifikasi tertentu.

4. Pelaksanaan perkara ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2023. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

Saya yang menjalankan amanah,



**ROSNANI BINTI MOHAMAD @ AHMAD C.A.(M)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan